

D692

U B725 AAB
MAHATHIR - TIBA R R R

KOTA BAHARU, 28 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD TIBA DI LAPANGAN TERBANG SULTAN ISMAIL PETRA DI SINI PAGI INI UNTUK LAWATAN DUA HARI KE KELANTAN.

BELIAU TIBA BERSAMA ISTERINYA, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMED ALI DAN JUGA MENTERI BESAR KELANTAN TAN SRI MOHAMED YAACOB.

KETIBAAAN PERDANA MENTERI DISAMBUT OLEH SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI, HAJI HUSSEIN MAHMOOD, TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN, SENATOR DATUK HAJI HUSSEIN AHMAD, ANGGOTA-ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI DAN PEGAWAI KANAN KERAJAAN.

PAGI INI, PERDANA MENTERI AKAN MENEMUI KAKITANGAN KERAJAAN KUMPULAN C DAN D DI LUNDANG. SELEPAS SEMBAHYANG JUMAAT, BELIAU AKAN BERLEPAS KE CIKU 3 UNTUK BERTEMU DENGAN PENEROKA DAN MASYARAKAT ORANG ASLI.

BELIAU JUGA AKAN MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL DI GUA MUSANG MALAM INI.

PERDANA MENTERI AKAN MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA CAWANGAN KELANTAN DI SINI ESOK. SEBELUM PULANG KE KUALA LUMPUR, BELIAU AKAN MENEMUI ANGGOTA-ANGGOTA VETERAN UMNO KELANTAN. -- BERNAMA

1036MST 28 09 90